



SIARAN AKHBAR

PROGRAM FINANCIAL HEALTH CHECK

Jabatan Perdana Menteri
Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam

Hari Selasa, 13 Rabiulakhir 1441 bersamaan dengan 10 Disember 2019

hingga

Hari Rabu, 14 Rabiulakhir 1441 bersamaan dengan 11 Disember 2019

1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD), dengan kerjasama pihak Jabatan Perdana Menteri, Tabung Amanah Pekerja (TAP), Persatuan Bank-Bank Brunei (BAB), Persatuan Insurans dan Takaful Brunei (BITA), Persatuan Perancangan Kewangan Negara Brunei Darussalam (FPAB) dan Persatuan Pasaran Modal Brunei Darussalam (BCMA), telah mengadakan Program *Financial Health Check* bagi pegawai dan kakitangan Jabatan Perdana Menteri di Dewan Bankuet, Jabatan Perdana Menteri, selama dua hari, dari Hari Selasa, 13 Rabiulakhir 1441 bersamaan dengan 10 Disember 2019 dan 14 Rabiulakhir 1441 bersamaan dengan 11 Disember 2019.
2. Program ini merupakan salah satu dari inisiatif AMBD untuk meningkatkan tahap celik kewangan di Negara Brunei Darussalam, dan bagi memupuk gaya hidup kewangan yang sihat.
3. Program *Financial Health Check* tersebut dibahagikan kepada tiga *sub-program*: taklimat-taklimat kewangan; sesi konsultasi bersama perancang kewangan yang berlesen dan berkelayakan; dan pameran kewangan.
4. Semasa program tersebut, para peserta didedahkan kepada konsep pengurusan kewangan secara komprehensif melalui taklimat-taklimat kewangan dan aktiviti-aktiviti interaktif. Dalam sesi konsultasi tersebut, para peserta berpeluang untuk berbincang dengan perancang kewangan untuk mengenal pasti penyelesaian yang bersesuaian ke arah mencapai matlamat kewangan mereka. Di samping itu, melalui pameran kewangan, institusi-institusi yang ikut serta telah membekalkan peserta dengan maklumat mengenai produk-produk dan perkhidmatan-perkhidmatan kewangan yang ditawarkan di Negara Brunei Darussalam.
5. Mana-mana sekolah, perniagaan, organisasi atau institusi yang berminat untuk mengadakan Program *Financial Health Check* AMBD bolehlah menghubungi kami melalui emel fci-edu@ambd.gov.bn atau melalui talian 2380007.

Autoriti Monetari Brunei Darussalam

Rujukan: AMBD/COMMS/3

Tarikh: 16 Rabiulakhir 1441 / 13 Disember 2019